

Headline	Anugerah hadiah jasa,tingkat kesedaran HIV		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V7	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	187 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,880
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,640



## Anugerah hadiah jasa, tingkat kesedaran HIV

**K**ETOKOHAN Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali sebagai seorang ibu dan isteri sentiasa menjadi inspirasi wanita berjaya sama ada di dalam negara mahupun persada antarabangsa.

Justeru, mengambil sempena nama beliau, Anugerah Tun Dr Siti Hasmah kembali semula pada tahun ini selepas penganjuran kali terakhirnya pada 2008.

Anugerah yang dianjurkan Yayasan Aids Malaysia (MAF)

itu akan fokus dalam memberi penghargaan kepada individu atau organisasi yang banyak berjasa dan melakukan kerja amal dalam meningkatkan kesedaran mengenai HIV dan Aids.

Pada 2008, anugerah ini dimenangi oleh Yayasan PT yang cemerlang berkhidmat dan membantu insan istimewa bergelar pesakit HIV dan Aids di Kuala Lumpur.

Anugerah ini terbuka kepada individu dan organisasi

berdaftar di Malaysia yang aktif serta secara positif tidak putus asa untuk menyedarkan masyarakat mengenai bahaya dan masalah berkaitan HIV dan Aids.

Untuk pencalonan pada kali ini, mereka yang aktif sepanjang tempoh Januari 2010 hingga Disember tahun lalu layak untuk bertanding. Antara kriteria yang perlu ada untuk memasuki pertandingan ini ialah calon mesti aktif dan terabit dalam mana-

mana bidang kerja seperti mencegah penyebaran HIV di Malaysia; meningkatkan kesedaran isu-isu HIV dan Aids; menyokong masyarakat yang hidup dengan HIV (termasuk rawatan, penjagaan dan program-program sokongan); menyokong masyarakat yang dipengaruhi dan terdedah kepada pesakit HIV; menegakkan hak asasi komuniti terabit dan memungut derma bagi golongan ini.

Pemenang Anugerah Tun Dr Siti Hasmah akan menerima wang tunai bernilai RM10,000, sijil kecemerlangan dan trofi yang direka eksklusif oleh pereka terkenal, Richard Mille.

Pemenang akan hanya diumumkan pada Majlis Makan Malam Sapura & Kencana Petroleum Red Ribbon GP 2012 bertempat di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur, 22 Mac depan.

Menerusi penganjuran anugerah ini juga diharapkan dapat menggalakkan lebih banyak organisasi dan individu untuk tampil dengan semangat

yang proaktif, inovatif dan komited kepada perjuangan mereka membantu pesakit HIV dan Aids.

Usaha ini turut diharapkan dapat mencapai sasaran sifar jangkitan HIV yang baru, sifar diskriminasi dan sifar kematian berkaitan Aids.

Untuk maklumat lanjut berhubung sejarah, senarai pemenang dan syarat penyertaan, layari laman web MAF di [http://mac.org.my/download/TDSH/TDSH\\_Form\\_31012012.pdf](http://mac.org.my/download/TDSH/TDSH_Form_31012012.pdf). Tarikh tutup penyertaan pada 24 Februari ini.